



Tata Kelakuan Valmet

Tata Kelakuan Valmet

Mesej daripada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Valmet

Memacu impak positif dengan integriti

Di Valmet kita mencipta hasil yang mampan dengan mengubah sumber boleh diperbaharui dan menjadikan proses perindustrian boleh dipercayai dan cekap. Kita berusaha untuk memberi kesan positif dan berpanjangan di dunia yang kita diami dengan menjana hasil yang bermanfaat bukan sahaja pada hari ini tetapi juga pada masa hadapan. Integriti tahap tinggi sentiasa, dan akan terus menjadi asas kepada cara kita menjalankan perniagaan. Kita mahu Valmet menjadi rakan kongsi yang dipercayai, yang diketahui sebagai jujur dan adil dalam semua urusan.

Bagi memastikan kita memenuhi jangkaan ini dan bertindak dengan cara yang betul, kita mempunyai Tata Kelakuan Valmet. Ia mengandungi komitmen, nilai, jangkaan dan peraturan kita yang mesti dipatuhi oleh semua Valmeteer dan rakan kongsi perniagaan kita. Ia memastikan bahawa kita menjalankan perniagaan yang mampan, beretika dan mematuhi undang-undang. Kita tiada sebarang kompromi apabila ia melibatkan operasi mengikut Tata Kelakuan kita. Dalam hal ini, saya akan memimpin melalui teladan dan semua Valmeteer mesti mengetahui dan memahami serta menggunakannya dalam kerja harian mereka. Tata Kelakuan Valmet terpakai kepada kita semua di peringkat global, di mana-mana sahaja, setiap hari.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau kebimbangan yang berkaitan dengan Tata Kelakuan kita, sila suarakan. Kita memupuk budaya terbuka di mana sebarang keraguan boleh dibincangkan. Terutama jika anda mengetahui bahawa Tata Kelakuan kita tidak dipatuhi, saya amat menggalakkan anda untuk mengemukakan kebimbangan anda melalui saluran syarikat yang pelbagai, termasuk TrustLine.

Terima kasih kerana memastikan kita bergerak ke hadapan secara mampan!

THOMAS HINNERSKOV

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif
Valmet



Kandungan

4 Komitmen kita

- Komitmen kepada integriti
- Nilai kita
- Prinsip antarabangsa

8 Prinsip antarabangsa

- Pematuhan undang-undang dan peraturan
- Persaingan adil
- Komunikasi terbuka dan jujur
- Harta intelek dan aset syarikat
- Privasi data
- Penolakan rasuah dan sogokan
- Pematuhan dagangan

16 Orang, masyarakat dan alam sekitar

- Menghormati hak asasi manusia
- Peluang yang sama, kepelbagaian dan keterangkuman
- Tempat kerja yang saling menghormati
- Melindungi kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan
- Hal ehwal awam
- Penglibatan dan penajaan komuniti
- Kecekapan operasi alam sekitar
- Iklim dan kitaran dalam produk dan perkhidmatan
- Kualiti produk dan perkhidmatan
- Rantaian bekalan mampan

27 Melaporkan salah laku

Tata kelakuan ini diluluskan oleh Lembaga Pengarah Valmet dan terpakai kepada semua pekerja dan rakan kongsi luar kita. Pelanggaran Tata kelakuan ini dan dasar kita boleh mengakibatkan tindakan tatatertib. Kita tidak bertolak ansur dengan sebarang bentuk tindakan balas terhadap orang yang dengan penuh percaya menyuarakan kebimbangan mereka atau membantu dalam penyiasatan tentang kemungkinan pelanggaran.



Komitmen kita

Komitmen kepada integriti

Bagi Valmet integriti bermakna kejujuran dan prinsip moral yang kukuh. Kita menghormati dasar, janji dan komitmen kita. Kita jujur dan adil dalam semua urusan. Integriti adalah asas kepada semua tindakan, keputusan, kenyataan dan komunikasi kita.

Kerangka membuat keputusan beretika

Kerangka membuat keputusan beretika Valmet membantu kita membuat pilihan yang tepat apabila kita menghadapi potensi persoalan etika atau pematuhan dalam tindakan yang akan diambil. Kita hendaklah sentiasa berfikir sebelum bertindak dan mendapatkan bimbingan apabila kita tidak pasti.

Pertimbangkan soalan berikut sebelum bertindak:

- Adakah tindakan ini mematuhi nilai dan dasar Valmet?
- Adakah tindakan atau keputusan ini sah di sisi undang-undang?
- Adakah saya mempunyai maklumat yang mencukupi?
- Adakah ia memalukan jika keputusan atau tindakan ini diketahui umum?



Nilai kita

Nilai bersama Valmet membentuk asas untuk semua yang kita lakukan di Valmet, dan nilai ini sangat menyokong Tata kelakuan kita.

Nilai kita membimbing dan membentuk tingkah laku kita serta menghubungkan kita dengan misi, strategi, Mesti dimenangi dan visi kita – **Valmet Melangkah Ke Hadapan.**



Pelanggan

Kita menggerakkan prestasi pelanggan kita ke hadapan.



Pembaharuan

Kita mempromosikan idea baharu untuk mencipta masa depan.



Kecemerlangan

Kita menambah baik setiap hari untuk menyampaikan keberhasilan.



Orang

Kita bekerjasama untuk membuat kelainan.

Nilai kita disokong oleh peranan pengurus dan pekerja kita, yang menyerlahkan tingkah laku yang mendorong prestasi, meningkatkan penglibatan dan menyokong pembangunan daripada perspektif individu dan pengurus. Dengan memainkan peranan ini, setiap seorang daripada kita boleh menyumbang kepada kejayaan Valmet.

Prinsip antarabangsa

Sebagai pembekal teknologi dan perkhidmatan global, Valmet memberi kesan kepada banyak komuniti di seluruh dunia. Kita berusaha untuk memastikan semua operasi kita dijalankan dengan cara yang bertanggungjawab dan sejajar di peringkat global. Kita komited untuk mematuhi konvensyen dan garis panduan antarabangsa seperti:

- Global Compact PBB dan Matlamat Pembangunan Mampan
- Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat PBB
- Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia
- Deklarasi ILO mengenai Prinsip dan Hak Asasi di Tempat Kerja
- Garis Panduan OECD untuk Perusahaan Multinasional



Prinsip antarabangsa





Pematuhan undang-undang dan peraturan

- Kita komited untuk mematuhi sepenuhnya semua undang-undang dan peraturan negara dan antarabangsa yang terpakai.
- Kita mencari dan berunding dengan pakar terbaik yang ada untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan serta Tata kelakuan ini.
- Kita juga mengharapkan pembekal, pengedar, ejen, perunding dan rakan kongsi perniagaan kita yang lain mematuhi sepenuhnya semua undang-undang dan peraturan yang terpakai.

Perlu Buat dan Jangan Buat:

- Ikuti perkembangan terkini keperluan undang-undang yang berkenaan untuk operasi yang anda bekerja dan pimpin.
- Jangan terima sebarang perbuatan tidak menghormati undang-undang dan peraturan antara satu sama lain, pembekal, pengedar, ejen, perunding dan rakan kongsi perniagaan kita yang lain.

Persaingan adil

- Kita menyokong dan berusaha ke arah persaingan yang adil dan pasaran bebas, dan dengan itu kita tidak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti yang mungkin menghalang atau menyekat persaingan yang berkesan.
- Kita enggan mengadakan perbincangan atau perjanjian dengan pesaing mengenai harga, bahagian pasaran atau aktiviti lain yang serupa.
- Kita memastikan bahawa semua perjanjian dengan pelanggan, pembekal, pengedar dan rakan kongsi perniagaan lain mematuhi undang-undang persaingan yang terpakai.

Perlu Buat dan Jangan Buat:

- Patuhi undang-undang persaingan negara tempat kita beroperasi dan Garis Panduan Undang-undang Persaingan kita.
- Jangan berbincang atau bertukar maklumat perniagaan yang sensitif dengan pesaing.



Komunikasi terbuka dan jujur

- Kita menyediakan maklumat yang telus mengenai status dan prestasi kita untuk pemegang taruh kita secara serentak dan sama rata tanpa keutamaan atau memihak kepada mana-mana kumpulan atau individu.
- Kita mematuhi undang-undang, peraturan dan garis panduan bursa saham dan amalan diterima pasaran modal ekuiti dan hutang.
- Kita mematuhi semua undang-undang dan peraturan terpakai yang mengawal perakaunan kewangan dan pelaporan syarikat yang disenaraikan dan mengekalkan kawalan dalaman yang sesuai untuk memastikan penerbitan maklumat yang tepat dan konsisten.

Perlu Buat dan Jangan Buat:

- Jangan gunakan maklumat orang dalam, sama ada secara langsung atau tidak langsung, apabila berdagang saham Valmet atau mana-mana syarikat lain.
- Jangan sebarkan atau komen khabar angin atau maklumat lain yang tidak disahkan.
- Jangan salah nyatakan fakta atau data kewangan dalam apa jua cara.



Harta intelek dan aset syarikat

- Kita menghargai penciptaan dan perlindungan pengetahuan dan harta intelek.
- Kita bertindak untuk melindungi harta intelek Valmet dan tidak membenarkan akses tanpa kebenaran kepadanya.
- Kita menghormati harta intelek yang dipegang oleh pihak lain dan tidak cuba mendapatkannya dengan cara yang tidak sah.
- Kita melindungi maklumat sulit, sistem maklumat dan teknologi, dan aset fizikal Valmet daripada kehilangan, kecurian dan penyalahgunaan.

Perlu Buat dan Jangan Buat:

- Patuhi Dasar Penggunaan IT dan Dasar Harta Intelek kita.
- Kendalikan sebarang jenis maklumat sensitif atau sulit dengan berhati-hati.
- Jangan gunakan aset Valmet untuk tujuan peribadi anda.





Privasi Data

- Kita menghormati privasi individu dengan mengendalikan data peribadi dengan mematuhi undang-undang dan prinsip syarikat yang berkaitan.
- Kita tahu mengenai peraturan privasi dan mengumpul dan memproses data peribadi hanya untuk tujuan perniagaan yang berkaitan.

Perlu Buat dan Jangan Buat:

- Proses dan simpan data peribadi hanya untuk tujuan yang wajar dan sah.
- Sentiasa kendalikan data peribadi dengan berhati-hati.
- Lindungi data peribadi dengan perlindungan yang sesuai terhadap akses, perubahan dan kehilangan yang tidak dibenarkan.

Penolakan rasuah dan sogokan

- Kita mempunyai toleransi sifar terhadap semua bentuk rasuah dan sogokan.
- Kita komited untuk menjalankan aktiviti kita selaras dengan semua undang-undang dan peraturan pencegahan rasuah yang terpakai.
- Kita perlu mengenali pelanggan, pengedar, ejen, pembekal dan rakan kongsi perniagaan yang lain dan tidak menjalankan perniagaan dengan rakan kongsi perniagaan yang tidak mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan pencegahan rasuah.
- Kita mengelakkan konflik kepentingan.
- Kita tidak, dalam apa juga keadaan, menyertai atau menyokong pengubahan wang haram atau membiayai aktiviti penganas dan jenayah dalam operasi kita di seluruh dunia.

Perlu Buat dan Jangan Buat:

- Patuhi Dasar Pencegahan Rasuah kita dan Ketahui Dasar Rakan Niaga Anda.
- Jangan tawarkan, janji atau terima hadiah atau keraian daripada rakan kongsi perniagaan yang melebihi standard biasa.
- Jangan bayar atau terima sogokan, wang imbuhan atau bayaran haram atau rebat lain.
- Jangan bayar untuk memudahkan keputusan atau perkhidmatan yang menguntungkan daripada pihak berkuasa.
- Jangan terlibat dalam perhubungan perniagaan yang boleh membawa kepada konflik kepentingan – jika kehidupan peribadi atau perhubungan anda boleh memberi kesan kepada pembuatan keputusan anda, rujuk pengurus anda, pastikan rakan sekerja yang tiada ikatan membuat keputusan dan rekodkan proses ini.

Pematuhan dagangan

- Kita komited untuk mematuhi semua sekatan perdagangan dan undang-undang serta peraturan eksport yang terpakai.
- Kita tidak terlibat dalam transaksi dengan pihak yang tertakluk kepada sekatan perdagangan.
- Kita mengeksport item mengikut kawalan eksport yang berkenaan dan mendapatkan lesen dan kebenaran apabila perlu.

Perlu Buat dan Jangan Buat:

- Patuhi semua undang-undang dan peraturan kawalan eksport yang terpakai dan Ketahui Dasar Rakan Niaga Anda.
- Berusaha untuk meningkatkan kesedaran tentang sekatan perdagangan dan kawalan eksport dan proses kita yang berkaitan dengannya.
- Dapatkan bimbingan jika anda tidak pasti atau mempunyai sebarang kebimbangan tentang rakan kongsi perniagaan atau transaksi.



Orang, masyarakat
dan alam sekitarw



Menghormati hak asasi manusia

- Kita menghormati hak asasi manusia seperti yang dinyatakan dalam Deklarasi Sejangat Hak Asasi Manusia dan konvensyen antarabangsa.
- Kita melindungi hak kanak-kanak dan memastikan kita tidak terlibat dalam buruh kanak-kanak atau paksa.
- Kita mempromosikan keadaan kerja yang baik untuk semua pekerja dan rakan kongsi selaras dengan konvensyen ILO.
- Kita menghormati hak pekerja kita untuk mendapatkan kebebasan berserikat dan perundingan kolektif serta menggalakkan dialog terbuka dan aktif dengan pekerja dan badan perwakilan pekerja kita.

Perlu Buat dan Jangan Buat:

- Fahami maksud menghormati hak asasi manusia dan ketahui Pernyataan Hak Asasi Manusia Valmet.
- Hormati budaya, adat resam dan nilai orang dan masyarakat tempatan di mana juga kita beroperasi.





Peluang yang sama, kepelbagaian dan keterangkuman

- Kita memilih dan melantik pekerja berdasarkan kelayakan peribadi, pengetahuan dan kemahiran mereka untuk pekerjaan berkenaan.
- Kita tidak bertolak ansur dengan diskriminasi berdasarkan jantina, umur, bangsa, agama, etnik atau negara asal, pandangan politik, status keluarga, orientasi seksual, identiti jantina, kecacatan atau ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang.
- Kita menghargai kepelbagaian dalam latar belakang, bakat, wawasan, pendidikan dan pengalaman pekerja kita, dan percaya ini menyumbang kepada kejayaan dan kemapanan kita dengan mempertingkatkan inovasi, fleksibiliti dan keupayaan untuk berkomunikasi dengan pemegang taruh kita.

Perlu Buat dan Jangan Buat:

- Patuhi Dasar Peluang yang Sama dan Kepelbagaian kita.
- Bina pasukan yang terdiri daripada individu dengan latar belakang dan kemahiran yang berbeza.
- Bersikap hormat dan inklusif apabila berinteraksi antara satu sama lain.

Tempat kerja yang saling menghormati

- Kita menghargai kerja berpasukan sebagai bahagian penting dalam kejayaan organisasi kita. Dalam bekerjasama, kita melayan satu sama lain dengan hormat, berbudi bahasa dan adil, menggalakkan ruang untuk berkongsi idea.
- Kita menghargai dan melindungi hak kita untuk bekerja dalam persekitaran yang bebas daripada gangguan.
- Kita tidak bertolak ansur dengan sebarang kelakuan pekerja atau mana-mana orang yang dikaitkan dengan aktiviti perniagaan kita yang mengganggu, mengancam, merosakkan atau mencampuri prestasi kerja orang lain atau mewujudkan persekitaran kerja yang menakutkan, menyinggung perasaan, kasar atau bermusuhan.

Perlu Buat dan Jangan Buat:

- Patuhi Dasar Tiada Diskriminasi dan Anti-Gangguan kita.
- Hormati pandangan orang lain dalam aktiviti harian anda.
- Berfikiran terbuka dan menghormati pelbagai perspektif, sama ada ia berpunca daripada perbezaan budaya, kepercayaan politik atau mana-mana aspek identiti individu yang lain.
- Jangan bertolak ansur dengan sebarang bentuk salah laku termasuk buli, keganasan, gangguan seksual, hukuman atau penderaan dalam apa jua bentuk.



Melindungi kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan

- Kita semua berkongsi tanggungjawab untuk tempat kerja yang selamat, sihat dan terurus dengan baik, di mana sahaja kita beroperasi.
- Kita percaya semua insiden boleh dicegah dengan melabur dalam budaya keselamatan yang kukuh, pengurusan risiko yang berkesan dan penambahbaikan berterusan.
- Kita menunjukkan keselamatan diutamakan dengan bekerja dengan selamat, mengambil bahagian dalam aktiviti kesihatan dan keselamatan serta menjaga satu sama lain.
- Kita memerlukan pengurus untuk memimpin dan mempromosikan kesihatan dan keselamatan secara aktif.
- Kita mengharapkan semua orang yang bekerja dengan kita agar menghormati dan mematuhi komitmen dan keperluan kesihatan dan keselamatan kita.

Perlu Buat dan Jangan Buat:

- Patuhi undang-undang dan peraturan kesihatan dan keselamatan, dengan Dasar Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (Dasar HSE), Peraturan Penyelamat Nyawa, Piawaian Keselamatan Minimum dan Sistem Pengurusan Global.
- Sentiasa fahami risiko kesihatan dan keselamatan dalam kerja harian anda serta tindakan yang boleh anda ambil untuk mencegahnya.
- Pastikan anda bersedia untuk bekerja setiap hari.
- Jangan ambil sebarang tindakan yang tidak selamat, atau tindakan yang anda tidak dilatih.
- Laporkan semua insiden, kes nyaris berlaku atau pemerhatian keselamatan supaya kita boleh menambah baik operasi kita.





Hal ehwal awam

- Kita secara terbuka memberitahu siapa kita dan apakah pandangan dan pendirian kita.
- Kita bercakap dari perspektif Valmet.
- Kita tidak menggunakan pihak ketiga untuk mewakili kita dalam melobi.
- Kita menyediakan pandangan dan pendirian kita dengan teliti dan berdasarkan kepakaran kita yang memberi kita kesahihan untuk bercakap tentang topik yang berkenaan.
- Kita menghormati perbezaan pendapat.
- Kita tidak menaja calon politik, ahli politik, parti atau kempen politik.

Perlu Buat dan Jangan Buat:

- Patuhi Garis Panduan Hal Ehwal Awam dan Melobi.
- Bersikap telus terhadap sebarang urusan awam dan aktiviti melobi yang dijalankan.
- Jangan gunakan perunding, pembangun, pembekal atau yang serupa untuk bercakap dengan pembuat keputusan atas nama Valmet.



Penglibatan dan penajaan komuniti

- Kita mengakui bahawa kehadiran global kita yang semakin meningkat menekankan tanggungjawab kita kepada komuniti tempatan di seluruh dunia.
- Kita menggalakkan semua unit kita dan semua pekerja untuk mengambil bahagian dalam program komuniti yang mempromosikan kebaikan bersama.
- Kita menyokong inisiatif yang sejajar dengan program tanggungjawab sosial global Valmet.

Perlu Buat dan Jangan Buat:


- Patuhi Prinsip Tajaan dan Derma kita.
- Jangan menaja projek atau inisiatif yang berkaitan dengan politik, agama atau organisasi ideologi lain yang menimbulkan kontroversi.
- Jangan menaja pertandingan kebangsaan atau bertaraf dunia dan sukan profesional.
- Jangan menaja aktiviti yang bercanggah dengan nilai kita.

Kecekapan operasi alam sekitar

- Kita berusaha untuk memahami kesan alam sekitar daripada kerja kita dan mengurangkan jejak kita..
- Kita meminimumkan penggunaan tenaga, air dan bahan bagi operasi kita.
- Kita mencegah pencemaran dan menggunakan langkah berjaga-jaga untuk melindungi alam sekitar.
- Kita menggalakkan kitaran dalam operasi kita dan penggunaan semula, kitar semula dan pemulihan sisa.
- Kita secara berterusan memantau dan mengurus penggunaan bahan berbahaya.

Perlu Buat dan Jangan Buat:

- Patuhi undang-undang dan peraturan alam sekitar, Dasar HSE dan Sistem Pengurusan Global kita.
- Ketahui keperluan atau garis panduan alam sekitar kerja anda.
- Lindungi alam sekitar dan kurangkan kesan dan risiko alam sekitar.
- Berbincang secara aktif dengan pembekal, pelanggan dan rakan kongsi perniagaan lain tentang cara meningkatkan prestasi persekitaran operasi dan rantaian nilai kita





Iklm dan kitaran dalam produk dan perkhidmatan

- Kita membolehkan pelanggan pulpa, kertas dan tenaga kita menggunakan kitaran melalui peredaran yang lebih lama, kitaran tertutup dan penggunaan bahan mentah yang boleh diperbaharui dan dikitar semula.
- Kita membolehkan pengeluaran neutral karbon untuk pelanggan pulpa, kertas dan tenaga kita.
- Penyelesaian kawalan aliran dan automasi kita mempunyai peranan penting dalam prestasi alam sekitar dan keselamatan semua industri proses.
- Kita secara berterusan membangunkan teknologi proses, automasi dan perkhidmatan kita untuk meningkatkan kecekapan tenaga dan sumber.
- Kita menawarkan perkhidmatan yang memanjangkan dan mengoptimumkan kitaran hayat pangkalan pelanggan kita yang dipasang.
- Kita mereka bentuk penyelesaian yang selamat untuk pengguna akhir.

Perlu Buat dan Jangan Buat :

- Bekerja secara aktif untuk menawarkan perkhidmatan dan penyelesaian kepada pelanggan kita yang memerlukan kurang air, tenaga dan bahan mentah, membolehkan penggunaan sumber boleh diperbaharui, dan menghasilkan kurang sisa dan pelepasan.
- Sokong pelanggan dalam peralihan hijau mereka dan berinovasi dengan rakan kongsi mengenai isu iklim dan kitaran.
- Libatkan diri dengan pelanggan secara aktif untuk memahami objektif keselamatan dan kemapanan mereka.

Kualiti produk dan perkhidmatan

- Kita komited terhadap kualiti tinggi dalam operasi kita dan dalam produk dan perkhidmatan yang kita sediakan kepada pelanggan kita.
- Kita berinteraksi rapat dengan pelanggan kita untuk memahami keperluan dan jangkaan mereka untuk memastikan hubungan perniagaan yang mampan.
- Kita sedang membangunkan Sistem Pengurusan Global kita secara berterusan untuk memastikan cara yang harmoni untuk beroperasi di seluruh rantaian nilai.
- Kita semua mengambil tanggungjawab peribadi terhadap kualiti kerja kita dan terhadap penambahbaikan berterusan.

Perlu Buat dan Jangan Buat:

- Laporkan semua insiden, pemerhatian dan idea penambahbaikan supaya kita boleh meningkatkan kualiti operasi kita.
- Berikan kualiti yang anda janjikan.
- Jangan terima kualiti yang rendah.
- Pastikan pembekal mempunyai kawalan kualiti.
- Sentiasa patuhi Sistem Pengurusan Global kita.





Rantaiian bekaln mampan

- Mengetahui dan menandatangani Dasar Rantaiian Bekalan Mampan kita adalah titik permulaan bagi mana-mana pembekal yang menjalin hubungan perniagaan dengan Valmet.
- Kita mengharapkan pembekal kita menjalankan operasi perniagaan yang bertanggungjawab dan menunjukkan piawaian etika yang tinggi seperti yang dinyatakan dalam Dasar Rantaiian Bekalan Mampan kita.
- Kita menyaring dan memantau prestasi dan risiko kemapanan pembekal kita.
- Kita melibatkan diri dengan pembekal untuk membangunkan tindakan kemapanan dan iklim dalam operasi dan rantaiian bekaln mereka.

Perlu Buat dan Jangan Buat:

- Patuhi proses rantaiian bekaln mampan kita.
- Pastikan semua pembekal menandatangani dan mematuhi Dasar Rantaiian Bekalan Mampan kita.
- Secara aktif promosikan kemapanan kepada pembekal.

Melaporkan salah laku

- Kita menggalakkan pekerja dan pemegang taruh kita agar bersuara dan menyuarakan kebimbangan mereka. Pekerja mesti menghubungi pengurus mereka atau pekerja lain yang sesuai apabila ragu-ragu tentang tindakan terbaik dalam situasi tertentu. Tanya sebelum anda bertindak.
- Pekerja Valmet bertanggungjawab untuk melaporkan sebarang kemungkinan pelanggaran terhadap Tata kelakuan kita atau salah laku lain kepada pengurus mereka atau kepada fungsi Sumber Manusia, Undang-undang atau Audit Dalaman. Gagal melaporkan salah laku dianggap sebagai tingkah laku yang tidak beretika itu sendiri.
 - Semua pengurus mempunyai tanggungjawab untuk mendengar dan mengambil tindakan jika seseorang menyuarakan kebimbangan kepada mereka.
 - Valmet juga menawarkan TrustLine, saluran berasaskan web dan pusat panggilan, untuk melaporkan pelanggaran Tata kelakuan kita yang disyaki. Ia memberi peluang kepada pekerja Valmet dan pemegang taruh lain untuk melaporkan kebimbangan secara tanpa nama dan dalam bahasa ibunda mereka. Saluran pelaporan ini diselenggara oleh pihak luar dan direka bentuk untuk menjamin kerahsiaan nama melainkan pelapor memperkenalkan diri mereka sendiri.
 - Kita memastikan kerahsiaan bagi sesiapa yang melaporkan pelanggaran yang disyaki.
 - Kita tidak bertolak ansur dengan tindakan balas dalam sebarang bentuk terhadap orang yang dengan penuh percaya menyuarakan kebimbangan mereka atau membantu dalam penyiasatan tentang kemungkinan pelanggaran.



Tata kelakuan kita
adalah untuk anda, saya
dan semua orang yang
bekerjasama dengan kita
- di mana-mana, setiap hari.

www.valmet.com

